

Headline	PADU jadi `senjata` ampuh kerajaan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	4
ArticleSize	659 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 41,913		



# PADU jadi 'senjata' ampuh kerajaan

Langkah permulaan mewujudkan struktur sosioekonomi masyarakat Malaysia menjadi lebih baik

SHAH ALAM

Pelaksanaan sistem Pangkalan Data Utama (PADU) pada 2 Januari lalu dilihat sebagai langkah permulaan mewujudkan struktur sosioekonomi masyarakat Malaysia dengan lebih baik, adil serta saksama.

Sistem itu mampu menjamin penyelarasan subsidi dan bantuan agar lebih adil dengan mengenal pasti secara mendalam perbelanjaan isi rumah setiap bulan, tanggungan, kos sara hidup mengikut lokasi serta tidak lagi berdasarkan pendapatan kasar, B40, M40, dan T20.

Selain menentukan kumpulan bersasar yang lebih tepat dalam mengedarkan subsidi, PADU juga menjadi pentas pemangkin perancangan dan pengurusan dasar untuk memperkasakan rakyat.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia, Dr Mohd Faisal Ibrahim berkata, dengan kuasa mengakses data daripada 445 institusi sektor awam seluruh negara termasuk kementerian, badan berkanun Persekutuan dan negeri serta pihak berkuasa tempatan (PBT), PADU boleh dinilai sebagai 'senjata' yang kuat bagi Kementerian Ekonomi.

"Ini kerana segala data-data berkaitan profil rakyat Malaysia dapat diperolehi daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan yang mempunyai fungsi dan objektif berbeza untuk memberi gambaran tepat kepada kerajaan.

"Dalam erti kata lain, PADU dianggap 'bank data sosioekonomi negara' kerana secara tidak langsung dapat menangani ketirisan dalam pemberian bantuan dan subsidi bersasar.

"Dengan ini, golongan seperti M40 yang sering terdicir daripada menerima manfaat dan bantuan kerajaan kini boleh menarik nafas lega," katanya kepada *Sinar Premium*.

Lebih mengujakan, Mohd Faisal berkata, tidak mustahil PADU boleh meramal

pasaran dan dengan itu menjamin agar pengeluaran dan penawaran sesuatu barangan menepati permintaan pengguna.

"Melalui PADU, ramalan permintaan sesuatu produk khususnya barang keperluan seperti beras, minyak dan telur boleh dilakukan secara bijaksana supaya permintaan barangan ini sentiasa dapat diperolehi oleh masyarakat.

"Selain itu, budaya menyorok barangan, menaikkan harga, memanipulasi pembeli dan pembelian panik dapat dielakkan pada masa hadapan. Perkara ini dapat membantu peniaga-peniaga kecil menguruskan kos jualan dan modal secara efektif serta mengurangkan kebarangkalian untuk rugi," ujarnya.

Dari segi isu pendatang asing tanpa izin (PATI) pula, Mohd Faisal berkata, PADU dilihat sebagai sebuah medium yang mampu mendedahkan jumlah sebenar kumpulan minoriti itu di sesuatu kawasan dengan mengakses data penduduk terkini serta penggunaan utiliti dari pihak pengurusan air dan **Tenaga Nasional Bhd (TNB)**.

"Contohnya, jika data penduduk terkini di sesuatu kawasan seramai 30,000 orang tetapi penggunaan utiliti TNB mencecah sehingga 80,000 orang, pasti wujud PATI di situ. Sekiranya PADU berjaya dilaksanakan dengan holistik, maka isu penyelewengan api dan air, monopoli warga asing serta jenayah sivil dapat dibanteras.

"Akhirnya di samping kerajaan dapat menyusun sosioekonomi masyarakat dengan lebih baik, masalah pengaliran wang keluar negara melalui pendatang asing juga dapat dikawal. Malah, keyakinan masyarakat untuk bergerak aktif dalam ekonomi kembali memuncak kerana hak rakyat menunjukkan wujudnya pembelaan oleh kerajaan," jelasnya.

Tambahnya, PADU dapat melihat sejauh mana pendapatan garis kemiskinan dengan kos sara hidup sebenar termasuk rumah kediaman yang



PADU mampu menjadi 'unit risiko' yang berguna kepada Kementerian Ekonomi dengan keupayaannya mengakses data daripada 445 institusi sektor awam di seluruh negara.



MOHD FAISOL



RAJAH

merupakan barang *daruriyyat* (keutamaan) dalam Islam masih relevan pada masa kini.

"Oleh itu, dasar dan polisi pemilihan dan harga rumah yang ingin dibangunkan oleh pemaju perlu disemak semula supaya semua rakyat Malaysia mampu memiliki rumah dengan harga mampu milik yang berlandaskan kos sara hidup semasa dan bukan rumah mampu milik menurut pandangan pemaju.

"Jika ini berjaya dilaksanakan oleh PADU, rumah mampu milik akan lebih banyak dibangunkan oleh pemaju berbanding rumah mewah dan rumah kos sederhana yang menyebabkan sebilangan besar masyarakat tidak mampu dan terpaksa memilih untuk menyewa," ujarnya.

## Berupaya pengaruh permintaan harga, bekalan

Sementara itu, Profesor Ekonomi Institut Asia Eropah Universiti Malaya, Profesor Ulung Datuk Dr Rajah Rasiah berkata, selain mencorakkan pengeluaran, PADU juga berupaya mempengaruhi permintaan harga dan bekalan.

"Pelaku ekonomi, termasuk golongan marhaen dapat mengetahui dan menentukan komponen bakul keperluan

berasaskan harga dan bekalan pasaran dengan sistem PADU," katanya.

Tambah Rajah, data pemilihan hartanah untuk menilai kuasa membeli hartanah rakyat yang sebenar dapat dimanfaatkan dengan sistem pangkalan data PADU.

"Biarpun pemaju mempunyai kelebihan kuasa asimetri terhadap pembeli buat masa ini, saya percaya peranan PADU lebih luas dan berasas dalam pasaran menjual beli rumah terpakai kerana pasaran inilah wujud kekurangan maklumat dan data," ujarnya.

Bagaimanapun, katanya, PADU masih di peringkat awal dan tidak dinafikan ia memerlukan penambahbaikan dari masa ke masa untuk mengukuhkan lagi bakal agensi yang paling berkuasa itu.

"Memandangkan PADU mengumpul semua pangkalan data daripada pengguna, tidak mustahil maklumat peribadi mereka lebih terdedah kepada penggodam.

"Perlindungan maklumat sulit masih menjadi satu isu. Buat masa ini saya rasa pelaksanaan PADU masih belum lagi memberi keyakinan kepada pengguna terhadap keselamatan sekuriti mereka," tambah beliau.

Justeru, beliau berharap agar kerajaan dapat mengambil pendekatan lebih menyeluruh dan rintangan-rintangan yang berlaku dapat diselesaikan menjelang pertengahan tahun 2024